

29/09/2002

Mazibah jelaskan kenapa bertanding

Azran Jaffar

SELEPAS Mastina Abdul Hamid dan Raihan Sulaiman menyatakan kesediaan untuk menentang Azalina Othman Said bagi mengisi jawatan Ketua Puteri Umno, seorang lagi calon menyatakan perkara sama. Penawaran diri oleh Mazibah Mohd Zin (gambar), bekas Naib Ketua Pergerakan Wanita Umno bahagian Kuala Pilah turut sama bersaing menjadikan persaingan untuk jawatan di dalam sayap terbaru Umno ini semakin sengit.

Wartawan Berita Minggu, AZRAN JAFFAR menemui Mazibah untuk mendapatkan pandangannya mengenai Puteri dan mengapa dia bertanding. Dalam pada itu, Berita Minggu telah berusaha mendapatkan Azalina, namun dia keberatan ditemu bual.

KENAPA saudara menawarkan diri bertanding jawatan Ketua Puteri Umno?

Alasan utama ialah saya hendak menyumbang dalam Puteri. Satu dari segi pengalaman, kerana saya sudah bergiat dalam politik sejak 1995. Kemudian pengalaman dalam bidang pengurusan kerana terbabit dalam latihan pembangunan pengurusan sumber manusia yang saya banyak membuat program bagi menaikkan semangat, team spirit. Selain itu, saya juga berkelayakan seperti diperkatakan oleh (Timbalan Presiden Umno) Datuk Seri Abdullah (Ahmad Badawi) dan (Presiden Umno) Datuk Seri Dr Mahathir (Mohamad) bahawa mereka di bawah umur 40 tahun boleh bertanding (untuk jawatan Ketua Puteri). Oleh itu saya kata, kenapa tidak?

Jika dilihat kepada umur, saudara sudah 39 tahun sedangkan had umur untuk Ketua Puteri 40 tahun, Jadi, kita lihat masa itu singkat?

Memang betul. Saya sedar perkara itu, tetapi kita lihat Ketua Penaja, Azalina (Othman Said) sebaya dengan saya. Saya juga tahu saya kurang dari segi masa. Tetapi apa yang saya fikirkan, dalam masa yang singkat itu saya ingin menyumbang kekuatan saya dalam sumber manusia supaya kita boleh gerakkan Puteri ke arah consolidation atau penyatuan. Pada tahun hadapan kita akan ada satu peperangan yang lebih besar. Saya ingin menggunakan masa yang sedikit itu untuk keadaan yang akan datang.

Saudari sedar masa saudara singkat, kenapa tidak diberi peluang kepada Azalina saja untuk meneruskan apa yang sudah beliau mulakan?

Keprihatinan saya terhadap Puteri adalah begini: Ia bermula dengan pembentukan pasukan. Selepas dibentuk ia akan melalui empat fasa. Pertama forming (membentuk). Macam mana ciri pasukan yang dibentuk? Semua orang excited, suka, semua orang nak masuk, kadang-kadang ada juga yang tak excited, tak nak masuk. Ini kerana ia baru dibentuk.

Selepas itu kita akan masuk ke fasa storming. Ia apa yang berlaku sekarang. Selalunya dalam fasa ini kita akan ada clash of personality, nilai/prinsip yang berbeza - ini bergabung... dia macam-macam. Bila dah dibentuk ada budaya - sama ada nak masuk atau tidak - jadi ini penyesuaian. Dalam keadaan itu apa yang banyak berlaku ialah konflik - orang rasa tak puas hati. Inilah penilaian saya dalam Puteri.

Kemudian kita akan bergerak kepada norming untuk kita pergi ke fasa terakhir production. Di mana Production ini akan diuji? Tahun depan. Apa yang berlaku, sepatutnya selepas storming Puteri mesti boleh pergi kepada norming. Ia apa yang kita namakan consolidation atau penyatuan dan juga penyesuaian. Kita membentuk apa yang kita kehendaki. Ini norma-norma yang dikehendaki. Keadaan ini perlukan kepada kestabilan/kesatuan.

Apa berlaku ialah, saya rasakan, gaya kepemimpinan saya, kekuatan saya dan juga ciri-ciri personaliti saya, saya boleh mengurangkan jangka waktu storming ini dan membentuk ia kepada norming dalam masa yang singkat...

kerana jika hendak diikutkan production ada lima bulan saja lagi, kerana pemilihan (Puteri) pada November... dan saya tak tahu sama ada betul atau tidak tetapi apa yang kita dengar pilihan raya mungkin antara Mac hingga Oktober tahun depan... antara November hingga tempoh itu hanya lima bulan saja.

Itu sebab saya rasa untuk masa yang singkat itu saya ingin sumbangkan personaliti saya, gaya kepemimpinan saya, kerana saya yakin dalam keadaan begini saya boleh menyumbang.

Jika diikutkan, Puteri masih baru dan dalam peringkat membentuk diri sebagai sebuah sayap parti yang mantap. Adakah saudari yakin dapat melakukannya dalam masa singkat itu?

Insyallah. Kerana itu saya katakan saya ingin menyumbang menggunakan kekuatan dan pengalaman saya.

Saudari juga aktif dalam Pergerakan Wanita dan Puteri dianggap adik kepada Wanita. Kenapa tidak diteruskan saja perjuangan dalam cabang itu tetapi pada masa sama turut menyumbang dalam membangunkan mereka?

Itu yang telah saya lakukan selama ini... sejak bermulanya penubuhan Puteri, apabila kertas kerja itu sama-sama dirangka, beberapa wanita muda berkumpul untuk mendapat satu konsep dan idea sehinggalah ia diluluskan. Selepas diluluskan, saya masih lagi bersama sebagai satu kumpulan dan terbabit dengan mereka dari segi memberi nasihat dan terbabit dalam memberi ceramah dan bertindak sebagai kaunselor.

Jadi bila kita berada dalam kumpulan ini, menunjukkan saya mengambil berat terhadap adik-adik ini, sebab kita mesti ingat Puteri adalah satu sayap penting. Jika kita tengok, dalam pilihan raya, kebanyakan pengundi dari mana? Wanita. Jadi kita tidak boleh nafikan perkara ini.

Saya sudah menyumbang... secara tidak langsung kerana pada ketika itu kita telah meletakkan Azalina sebagai pemimpin. Jika hendak dilihat, sumbangan itu berterusan. Tetapi saya berasa dengan adanya pemilihan ini, apa yang saya hendak sediakan ialah satu gaya kepemimpinan. Pada pandangan saya dengan menawarkan diri sekurang-kurangnya saya sudah menawarkan pilihan kepada Puteri. Walaupun masa agak terhad, saya berasa sekurang-kurangnya sudah melaksanakan tanggungjawab saya. Manalah tahu suatu hari nanti Insyallah saya dikurniakan anak, anak saya tidak akan kata: Ibu, anda layak, tetapi kenapa tidak berusaha untuk mencuba? Kalau saya tidak buat, saya tidak akan dapat menjawab soalan itu. Tetapi, jika saya sudah buat saya boleh berkata: Ibu dah cuba dan menawarkan diri. Tetapi jika Puteri memilih yang lain, saya sudah melaksanakan tanggungjawab.

Kesimpulannya, penawaran itu adalah untuk memberi pilihan dan anda perlu ingat pertandingan adalah sihat. Jika kita melihat kepada konsep pemasaran, pertandingan antara satu produk dengan produk lain, maka masing-masing akan memperbaiki diri, melakukan sesuatu dan menawarkan perkhidmatan yang terbaik. Tetapi jika satu saja, ia menjadi monopoli... apa berlaku? Rasa selesa. Apa yang dapat saya katakan ia pertandingan sihat.

Kita melihat empat orang bagi satu pertubuhan yang masih baru. Tidakkah ini boleh menimbulkan kekacauan kepada adik-adik kita yang baru hendak mengenal politik?

Saya tidak melihat ia sebagai kekacauan tetapi pilihan. Lebih baik ada pilihan berbanding tiada. Ini juga menunjukkan wanita Melayu tidak ketandusan pemimpin. Dalam pertandingan memanglah betul... ada sikit-sikit... tetapi lepas itu kita bersatu. Sebab apa pun yang penting parti.

Biasanya orang menawarkan diri jika ada pencalonan, tetapi dalam kes saudari, kita tidak nampak sebarang pencalonan. Apa sebenarnya tujuan saudari?

Niat saya bukan hendak mengacau, bukan disuruh orang, bukan mewakili sesiapa. Saya mewakili diri saya memberi apa yang saya mampu. Dalam soal

pencalonan...strategi saya, membuat pengumuman sebelum dapat pencalonan adalah kerana untuk memperkenalkan diri terlebih dulu. Biar orang sedar.

Mengapa pengumuman dibuat selepas beberapa bahagian sudah mengadakan mesyuarat agung?

Saya mengambil masa untuk berfikir. Ini satu keputusan yang sangat kritikal, bukan main-main, bukannya kita masuk nak buat hu ha, gelak, lepas tu keluar.